

02/12/1999

Jangan biarkan perpecahan berpanjangan

Jamhariah Jaafar

SELEPAS kemelut untuk menentukan siapa yang patut menjadi pemerintah Malaysia bagi lima tahun akan datang terlerai selepas pilihan raya umum Isnin lalu, rakyat negara ini perlu melupakan segala persengketaan dan perasaan tidak puas hati yang tersemai sejak lebih dua tahun lalu demi perpaduan, keharmonian dan kestabilan yang dikecapi negara ini sejak merdeka.

Perpecahan yang ternyata berlaku terutama di kalangan Melayu perlu dileraikan segera, supaya ia tidak merebak menjadi barah yang tiada penawarnya. Hakikatnya sekarang ialah walaupun menerima kritikan hebat daripada pembangkang mengenai pelbagai isu yang melanda negara sejak dua tahun, Barisan Nasional (BN) tetap dipilih untuk menerajui kerajaan Malaysia bagi tempoh lima tahun lagi.

Tidak kiralah sama ada kemenangan BN itu disebabkan oleh sokongan pengundi bukan Melayu, tetapi perkara pokok di sini ialah ia menang dengan cemerlang... mengatasi majoriti dua pertiga untuk membentuk satu kerajaan yang kukuh dan teguh.

Bagaimanapun, BN terutama parti tonggakunya, Umno, tidak boleh menutup mata terhadap keadaan sebenar sekarang. Hakikat bahawa ia menerima sokongan kurang padu daripada masyarakat Melayu buat kali pertama sejak 42 tahun lalu perlu dilihat secara serius dan ditangani segera.

Perbezaan ideologi terutama membabitkan Umno dan Pas memang wujud sejak dulu. Akibatnya pernah timbul isu mengkafir Umno, sembahyang di masjid berasingan dan maki-memaki.

Keadaan agak serius ini ternyata mendapat perhatian daripada masyarakat Islam bukan keturunan Melayu. Sepasang suami isteri rakyat Malaysia keturunan Iraq yang ditemui melahirkan perasaan bimbang terhadap keadaan yang mungkin mencengkam Malaysia pada masa akan datang, sekiranya perasaan tidak puas hati dan saling membenci di kalangan masyarakat Melayu ini tidak dibendung segera.

Ally seorang pensyarah di kolej pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur berkata: "Sungguh sayang, Malaysia, sebuah negara Islam yang begitu mewah dan dirahmati Allah dengan segala kekayaan dan keharmonian hidup, berpecah hanya disebabkan perasaan marah dan kecewa segolongan pihak terhadap pemerintah.

"Jika keadaan ini tidak dibendung segera, saya menjangka masyarakat Islam di negara ini menghadapi mengalami perpecahan yang serius. Akan timbul lagi kejadian sembahyang berasingan mengikut iman yang ditentukan parti, ada masjid Umno dan ada masjid Pas, yang akhirnya hanya akan merugikan masyarakat Islam negara ini."

Dan kenyataan itu bukan saja dipersetujui isterinya, Aishah, tetapi pensyarah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) itu berkata fikiran sempit masyarakat Melayu Islam Malaysia hanya akan membawa padah kepada generasi muda.

"Malaysia mempunyai pemimpin yang sungguh berwibawa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan seperti Saddam Hussain (Presiden Iraq) yang menjalankan pemerintahan secara kuku besi.

"Di sini, Dr Mahathir langsung tidak mengganggu urusan atau sebarang kegiatan agama Islam. Rakyat Malaysia bebas menjalankan sebarang kegiatan termasuk program agama asalkan ia tidak menyalahi undang-undang.

"Ibu mentua saya yang datang dari Iraq kagum dengan kemudahan dan keistimewaan di negara ini. Bukan saja beliau terkejut dengan laungan azan

di televisyen pada hampir setiap waktu masuk sembahyang, bahkan kagum setiap bangunan dan kompleks beli-belah mempunyai surau.

"Iraq dan kebanyakan negara Arab yang lain pun tidak menyediakan kemudahan seperti Malaysia. Rakyat Malaysia patut bersyukur dengan apa yang dimiliki hari ini, kerana itu kita patut mengelak daripada mencipta `bala' yang datangnya daripada kita (Melayu Islam) sendiri," katanya.

Justeru, keputusan pilihan raya umum baru lalu patut dijadikan kayu pengukur bagi semua pihak untuk menghadapi suasana dalam negara sekurang-kurangnya bagi tempoh lima tahun akan datang.

Tidak ada gunanya, terutama bagi golongan yang tidak berpuas hati dengan kerajaan untuk terus membenci atau menyebarkan perasaan bencinya terutama pada generasi muda.

Mereka, terutama dari golongan reformasi harus kembali ke pangkal jalan dan berusaha untuk mengukuhkan keharmonian dan perpaduan yang kita kecapai selama ini. Perjuangan untuk menuntut keadilan akan diteruskan oleh wakil-wakil rakyat yang dipilih mewakili mereka di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Dengan kehadiran 45 wakil rakyat dari kalangan barisan alternatif di Parlimen sudah tentu memberikan mereka kuasa tawar-menawar yang lebih kukuh.

Kerana itu, tugas utama rakyat Malaysia terutama masyarakat Melayu sekarang ialah kembali berpadu tenaga untuk membawa negara ini ke era yang lebih cemerlang pada alaf akan datang.

(END)